**RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)**

1. Mata Pelajaran : Bahasa Melayu
2. Tahun : 5 Zuhrah
3. Bilangan Murid : 20 orang
4. Tarikh : 9 Ogos 2019
5. Hari : Jumaat
6. Masa : 8.00 hingga 9.00 pagi
7. Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
8. Tajuk : Pencemaran Alam Sekitar

9. **Kemahiran Fokus**: Kemahiran Bertutur

10. **Standard Kandungan**

1.7 Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.

11. **Standard Pembelajaran**

1.7.2 Berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.

12. **Objektif Pembelajaran**

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran ini, murid dapat:

i. Berbincang tentang sesuatu perkara dengan kritis dalam bentuk kumpulan.
ii. Bertutur untuk mengemukakan pendapat daripada pelbagai sumber secara kritis menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.

13. **Sistem Bahasa**

- Tatabahasa: morfologi – kata nama am, kata nama khas

  : sintaksis - ayat
- Kosa kata: konkrit, berleluasa, sisa toksik, gejala, menjurus, sistematik, bahan api enjin, karbon monoksida, plumbum, baja kimia, akuatik
- Sebutan dan intonasi - betul dan jelas
- Peribahasa – sediakan payung sebelum hujan, melentur buluh biarlah dari rebungnya, melempar batu sembunyi tangan
- Sistem Ejaan - tepat
- Tanda baca - betul dan tepat

**14. Pengisian Kurikulum (Elemen Merentas Kurikulum)**

- Ilmu: Alam Sekitar
- Nilai Murni: Kerjasama, Keberanian, Berdikari, Kesyukuran, Rasional, Semangat Bermasyarakat
- Pendidikan Alam Sekitar: menanam sikap mencintai alam sekitar, menyayangi alam sekitar dalam sanubari murid, memberikan kesedaran untuk menghargai alam sekitar
- Sains dan Teknologi: Pengetahuan sains dan teknologi, penggunaan teknologi dalam proses PdP
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Belajar melalui TMK, menggunakan TMK sebagai alat untuk mengajar dan belajar, belajar mengenai perkakasan dan perisian TMK
- Kreativiti dan Inovasi: Imaginasi dan visualisasi, penghasilan idea, menjana idea, mengaplikasikan idea yang kreatif dan inovatif
- Elemen Keusahawanan:

EK 1: 1.4 Daya kreativiti dan inovasi: memerhati dengan bertujuan dan menghasilkan banyak idea

EK 1: 1.6 Keinginan kepada maklum balas segera

EK 2: 2.2 Menganalisis pemerhatian secara kritis dan kreatif: boleh menyatakan kebaikan / keburukan sesuatu perkara

**15. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (Kepelbagaian Kaedah dan Teknik)**

- Kemahiran Berfikir: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), mengaplikasikan pengetahuan, menganalisis, menilai, mencipta, menjanakan idea, menghubungkaitkan pengalaman, mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, membuat keputusan,
- Kecerdasan Pelbagai: verbal linguistik, interpersonal, kinestetik, naturalis
- Didik Hibur: berlakon, bernyanyi, menimbulkan rasa ingin tahu, fantasi, keseronokan, memikat hati murid
- Penyelesaian Masalah: melibatkan masalah berbentuk perkataan
- Pembelajaran Koperatif: saling belajar dan membantu, berkongsi idea, bekerja dalam kumpulan, semangat berpasukan
- Pembelajaran Kontekstual: mengaitkan isi pelajaran iaitu Pencemaran Alam Sekitar dengan pengalaman harian individu

- Pembelajaran Konstruktivisme: membina pemahaman berdasarkan pengalaman sedia ada
- Kemahiran Belajar Cara Belajar: mencatat nota dan idea, mengumpulkan maklumat, memproses maklumat berdasarkan tayangan video
- Kajian Masa Depan: membuat ramalan, menjangka kesan dan akibat

## 16. Bahan Bantu Mengajar

| Bil. | Perkara | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Komputer riba | 1 |
| 2. | Projektor LCD | 1 |
| 3. | Kertas Demonstrasi atau Lakonan | 5 |
| 4. | Kotak | 1 |
| 5. | Roda Impian dalam bentuk teknologi | 1 |
| 6. | Video Pencemaran Alam Sekitar untuk Set Induksi | 1 |
| 7. | *Powtoon* Pencemaran Alam Sekitar | 1 |
| 8. | Petikan Teks Langkah Mengatasi Pencemaran Alam Sekitar | 30 |
| 9. | Tayangan *PowerPoint* Langkah Mengatasi Pencemaran Alam Sekitar | 1 |
| 10. | Kertas Sebak yang mengandungi peta i-Think (peta buih) | 2 |
| 11. | *Sticker Note* | 10 |
| 12. | Pelekat peneguhan positif | 30 |
| 13. | Video Punca Pencemaran Alam Sekitar | 1 |
| 14. | *Tablet* | 20 |
| 15. | Tayangan slaid PowerPoint | 1 |
| 16. | Petikan teks Pencemaran Alam Sekitar untuk Pemulihan | 14 |
| 17. | Video Lagu Pencemaran Alam Sekitar | 1 |

## 17. Pengetahuan Sedia Ada

i. Murid mengetahui tentang isu-isu pencemaran alam sekitar sebelum ini.
ii. Murid pernah didedahkan dengan pencemaran alam sekitar.

| Langkah / Masa | Isi Pelajaran | Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran | Catatan |
|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN BILIK DARJAH (2 minit)** | Kebersihan kelas<br>● Persediaan murid untuk belajar dalam keadaan bilik darjah yang bersih, selamat dan kondusif supaya dapat menumpukan segala perhatian mereka semasa proses PdP.<br>● Mengawal tahap kebersihan bilik darjah dalam keadaan yang kondusif dan selesa. | ● Murid memastikan bahawa keadaan bilik darjah dalam keadaan bersih, selamat dan kondusif supaya dapat belajar dengan seronok dan tekun.<br>● Murid-murid mengutip sampah yang terdapat di dalam bilik darjah dan membuang ke dalam tong sampah secara bersama-sama supaya dapat belajar dengan selesa dan rasa seronok.<br>● Murid-murid diarahkan untuk mengawal tahap kebersihan bilik darjah bagi memastikan kebersihan bilik darjah tidak terjejas dan murid-murid bersedia untuk belajar. | Peralatan yang sesuai |
| **Set Induksi (5 minit)** | ● Memilih kertas di dalam kotak untuk melakukan demonstrasi atau | ● Murid-murid dipilih secara rawak daripada roda impian yang berbentuk teknologi daripada QR Code | **BBM**<br>Roda impian berbentuk teknologi, Kertas |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | lakonan di hadapan bilik darjah<br>1. Sungai berbau busuk.<br>2. Sesak nafas.<br>3. Tidak tahan bunyi.<br>4. Pembuangan sampah<br>5. Pengeluaran sisa toksik<br>**Roda impian berbentuk teknologi**<br><br>https://www.classtools.net/random-name-picker/76_NX5Peh<br>**QR Code bagi roda impian**<br>• Video 'Pencemaran Alam Sekitar' dan QR Code<br> | yang telah disediakan oleh guru.<br>• Roda impian tersebut mengandungi nama-nama murid di dalam kelas tersebut.<br>• Murid-murid memilih kertas di dalam sebuah kotak yang disediakan oleh guru.<br>• Murid-murid melakukan demonstrasi atau lakonan berdasarkan perkara yang terkandung dalam kertas.<br>• Murid-murid meneka demonstrasi atau lakonan tersebut.<br>• Murid-murid dibimbing oleh guru untuk menghubungkaitkan tajuk pelajaran dengan demonstrasi yang dilakukan oleh murid.<br>• Murid-murid yang berjaya meneka tajuk pelajaran mendapat hadiah daripada guru.<br>• Murid-murid menonton dan menyaksikan sebuah video 'Pencemaran Alam | demonstrasi atau lakonan, kotak<br><br>**TMK:** *QR Code*, Roda Impian berbentuk teknologi, Video 'Pencemaran Alam Sekitar' dalam bentuk *QR Code*<br><br>**KB**<br>Menghubungkaitkan, pemikiran kritis dan kreatif, membuat keputusan, mengkonsepsikan idea<br><br>**Penyelesaian Masalah**<br>Menyelesaikan masalah berbentuk perkataan<br><br>**Teknik Didik Hibur** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Soalan:**<br>**Pencemaran Alam Sekitar**<br>1. Apakah yang anda faham tentang video tersebut?<br>2. Apakah jenis pencemaran yang anda pernah lihat pada masa ini?<br><br>**Jangkaan jawapan:**<br>1. Pencemaran adalah sangat berbahaya kepada manusia dan juga alam sekitar.<br>2. Pencemaran air, bau, bunyi, udara. | Sekitar' yang ditayangkan oleh guru.<br>● Murid-murid ditanyakan beberapa soalan mengenai video tersebut.<br>● Murid-murid dibimbing oleh guru untuk menjawab soalan-soalan tersebut di hadapan bilik darjah.<br>● Murid-murid mendapat pujian dan tepukan. | Berlakon atau membuat demonstrasi<br><br>**Kecerdasan Pelbagai**<br>Verbal linguistik, Interpersonal, Visual Ruang<br><br>**BCB**<br>Cekap bertindak, Memproses maklumat<br>**(TB: 10.Mengumpul data melalui tayangan video)**<br><br>**Pembelajaran Kontekstual**<br>Menghubungkaitkan pengalaman dalam kehidupan tentang pencemaran alam sekitar<br>**Teknik**<br>Soal jawab dan perbincangan<br><br>**Nilai**<br>Berdikari, Rasional dan Keberanian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | **Pendidikan Alam Sekitar**<br>Menanam sikap mencintai dan menyayangi alam sekitar, menghargai keunikan alam sekitar. |
| **Langkah 1**<br>**(10 minit)** | **Isi Pelajaran**<br>***Powtoon***<br>**Pencemaran Alam Sekitar**<br><br>[videoplayback (3).mp4]()<br><br>- Definisi Pencemaran<br>- Bentuk-bentuk Pencemaran Air, Bunyi, Bau, Tanah<br>- Kesan Pencemaran Alam Sekitar<br>- Cara mengatasi Pencemaran Alam Sekitar | ● Murid-murid duduk mengikut dua kumpulan yang ditetapkan oleh guru.<br>● Murid-murid menonton dan menyaksikan sebuah video *Powtoon* mengenai 'Pencemaran Alam Sekitar'.<br>● Murid-murid mencatat isi-isi penting yang terdapat dalam video supaya bersedia untuk menjawab soalan berdasarkan video tersebut.<br>● Setelah menonton video tersebut, murid-murid melakukan perbincangan dalam kumpulan masing-masing tentang | **BBM**<br>Video *Powtoon* Pencemaran Alam Sekitar, *tablet*,<br><br>**TMK: Video *Powtoon***<br>[videoplayback (3).mp4]()<br>*Google Keep*<br><br>**KB**<br>● Sebab akibat<br>● Mengumpul dan mengelas<br>● Menghubungkaitkan<br>● Menganalisis<br>● Membuat hipotesis |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | - Pengajaran daripada Pencemaran Alam Sekitar<br><br>**Peraturan Aktiviti Team Stand-N-Share**<br>- Ahli pasukan akan berdiri.<br>- Guru akan memberikan soalan.<br>- Ahli pasukan hanya boleh duduk sekiranya berkongsi dan bersetuju jawapan dan pendapat dengan pasukan lain.<br>-<br>**Soalan-soalan bagi aktiviti *Team Stand-N-Share***:<br>1. Apakah itu pencemaran alam sekitar?<br>2. Berapakah jenis-jenis pencemaran alam sekitar? | isi-isi yang dicatatkan oleh mereka.<br>● Murid-murid telah diuji tahap pemahaman mereka melalui Aktiviti Abad Ke-21 yang dilaksanakan oleh guru.<br>● Guru melaksanakan aktiviti *Team Stand-N-Share*.<br>● Setiap kumpulan diedarkan dengan sebuah *tablet* bagi melaksanakan aktiviti pada akhir langkah ini.<br>● Murid-murid mendengar peraturan-peraturan untuk melaksanakan aktiviti tersebut.<br>● Murid-murid berdiri mengikut Kumpulan 1 dan 2.<br>● Murid-murid dapat duduk sekiranya mereka menjawab soalan-soalan yang dilontarkan oleh kumpulan lain dan jawapan tersebut perlu dipersetujui oleh kumpulan lain.<br>● Murid-murid dalam kumpulan menjawab | ● Mensintesis<br>● Membuat keputusan<br>● Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)<br><br>**Teknik**<br>● Soal jawab dan perbincangan **(TB: 7. Menyoal dan menyelesaikan masalah)**<br><br>**KP**<br>● Interpersonal<br>● Verbal linguistik<br><br>**Pendidikan Alam Sekitar**<br>Memberikan kesedaran kepada murid untuk menghargai dan menjaga alam sekitar.<br><br>**Kreativiti dan Inovasi**<br>Proses menjana idea, mengaplikasikan idea, berfikiran kreatif dan inovatif |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3. Nyatakan kesan pencemaran alam sekitar.<br>4. Sebutkan cara mengatasi pencemaran alam sekitar.<br>5. Apakah refkleksi mengenai pencemaran alam sekitar?<br><br>**Jangkaan jawapan**:<br>1. Pencemaran alam sekitar ialah kemasukan bahan pencemar seperti kimia, haba, cahaya dan tenaga di alam sekitar yang membahayakan kesihatan manusia dan mengancam sumber ekosistem.<br>2. Pencemaran alam sekitar | soalan yang diajukan oleh kumpulan lain secara bergilir-gilir.<br>● Murid-murid akan dibimbing oleh guru untuk menjawab soalan.<br>● Setelah aktiviti selesai, guru melakukan perbincangan dan sesi soal jawab bersama murid-murid supaya menggalakkan murid-murid untuk memahami tajuk Pencemaran Alam Sekitar secara lebih mendalam.<br>● Pada akhir langkah 1, setiap kumpulan menggunakan *tablet* yang diedarkan oleh guru untuk menaip nota-nota mengenai Pencemaran Alam Sekitar dalam *Google Keep* menerusi aktiviti Team Stand-N-Share dalam kumpulan.<br>● Murid-murid menyimpan nota-nota tersebut dalam *Google Keep* supaya dapat mengulangkaji dengan lebih mudah. | **Sains dan Teknologi**<br>Pengetahuan sains berdasarkan tajuk Pencemaran Alam Sekitar, penggunaan teknologi dalam proses PdP seperti *Powtoon*<br><br>**Nilai Murni**<br>● Keberanian, Berdikari, Kerjasama, Rasional<br><br>**Pembelajaran Kontekstual**<br>● Menghubungkain video dalam perbincangan kumpulan<br><br>**Teknik**<br>Soal jawab dan perbincangan<br><br>**Pembelajaran Koperatif**<br>Murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain, |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | terdiri daripada lima jenis.<br>3. Kesan pencemaran alam sekitar ialah tumbuhan akan mengalami keguguran, kepupusan haiwan berlaku, hujan asid, berlakunya kesan rumah hijau dan penipisan lapisan ozon.<br>4. Cara mengatasi pencemaran alam sekitar ialah memperketatkan undang-undang, menggunakan kenderaan berkuasa elektrik dan kitar semula.<br>5. Refleksi mengenai pencemaran | | berkongsi idea, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat<br><br>**Kemahiran Belajar Cara Belajar**<br>Kemahiran Mendengar, Kemahiran Mengambil Nota, Kemahiran Mengingat, Belajar Berkumpulan, Kemahiran Pembentangan<br><br>**Penilaian Objektif (i)** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | alam sekitar ialah kita haruslah menjaga alam sekitar dengan sebaik mungkin supaya tidak berlakunya pencemaran alam sekitar dan tidak menjejaskan kesihatan manusia dan haiwan. | | |
| **Langkah 2**<br>**(18 minit)** | **Petikan teks ‘Langkah Mengatasi Pencemaran Alam Sekitar’**<br><br>Pencemaran alam merupakan isu yang sering menjadi buah mulut masyarakat sejak belakangan ini. Setiap hari terdapat laporan media tentang gejala pencemaran alam. Hal ini telah menyebabkan pelbagai pihak berasa bimbang akan gejala tersebut. Pihak kerajaan dengan pertubuhan bukan kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan alam sekitar terpelihara. Walau bagaimanapun, gejala pencemaran alam masih lagi berleluasa seolah-olah tidak ada penghujungnya. Jika ditinjau dengan mendalam, terdapat beberapa langkah yang konkrit untuk menangani gejala ini.<br><br>Usaha untuk mengatasi pencemaran alam sekitar ini sepatutnya dimulakan daripada institusi keluarga. Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting. Mereka sebagai orang terdekat kepada anak-anak sepatutnya mendidik mereka untuk menghargai dan mencintai alam sekitar sejak dari kecil lagi. Hal ini selaras dengan peribahasa Melayu yang berbunyi melentur buluh biarlah dari rebungnya.<br><br>Selain itu, pihak sekolah hendaklah memperkenalkan pendidikan alam sekitar kepada murid-murid sekolah. Pendidikan alam sekitar melibatkan pelbagai aspek yang menjurus ke arah pengekalan alam yang sejahtera. Satu kurikulum yang khusus perlu digubal agar pendedahan yang sistematik dapat dilaksanakan. Kurikulum ini boleh diselitkan dalam mata-mata pelajaran lain dan boleh juga dijadikan mata pelajaran khusus. Hal ini bertujuan untuk menyemaikan kesedaran secara lebih berkesan. Murid sekolah khususnya yang belajar di sekolah rendah wajar didedahkan dengan pengetahuan tentang alam sekitar dengan lebih sistematik. Jika sejak kecil mereka diberikan pendedahan sedemikian, mereka akan berasa lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar apabila mereka dewasa nanti. Langkah ini akan mengatasi gejala pencemaran alam pada masa akan datang.<br><br>Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh pihak Media Massa. Pada hari ini media massa memainkan peranan yang penting dalam membentuk cara pemikiran semua pengguna. Oleh itu, dengan adanya pendedahan media massa tentang isu pencemaran, masyarakat umum akan berhati-hati dalam menanggani masalah pencemaran. Setakat ini, media massa yang paling banyak membuat pendedahan tentang isu pencemaran ialah majalah dan surat khabar. Televisyen juga ada membuat pendedahan ini contoh TV3 dan TV7 tetapi adalah terlalu sedikit ditekankan keutamaanya.<br><br>Seterusnya,pemimpin masyarakat juga boleh membantu dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar. Pemimpin masyarakat mesti mengingati ahli masyarakat agar sentiasa menjaga alam sekitar dalam kehidupan seharian. Selain itu, pemimpin masyarakat perlu melawat persekitaran tempat tinggal masyarakat setempat dan berusaha mengatasi pencemaran alam sekitar yang ada. Pemimpin masyarakat juga boleh membuat program gotong-royong untuk membersihkan tempat<br><br>**Aktiviti Pembentangan**<br>- Murid diberikan tugasan secara berkumpulan. | ● Murid-murid dipilih secara rawak untuk membaca petikan teks yang ditayangkan melalui *PowerPoint* dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul di hadapan bilik darjah.<br>● Murid-murid yang lain mendengar perkara yang dibaca berdasarkan teks yang ditayangkan oleh guru di *PowerPoint* dan murid-murid meneliti isi-isi yang terdapat dalam petikan teks. | **BBB**<br>● Petikan teks ‘Langkah Mengatasi Pencemaran Alam Sekitar’, *PowerPoint*, lembaran peta i-Think, kertas sebak, *sticker note*<br>**Kemahiran Berfikir**<br>Mengumpul dan mengelas, membuat urutan, menganalisis, menilai, menjana idea, |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | - Murid menyiapkan tugasan tersebut dalam kertas sebak.<br>- Murid membentangkan hasil kerja mereka menggunakan EasiNote.<br>- Murid akan membuat pembentangan dan mengemukakan pendapat secara kritis seperti memberikan huraian dan contoh menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.<br>- Murid-murid daripada kumpulan lain akan memberikan komen dan pendapat pada *sticker note* tentang hasil | ● Murid-murid kekal berada dalam dua kumpulan yang dibahagikan oleh guru.<br>● Guru mendedahkan cara-cara untuk melaksanakan aktiviti pembentangan kepada murid-murid.<br>● Murid-murid mendengar arahan tersebut dengan teliti.<br>● Murid-murid diedarkan dengan sebuah kertas sebak yang terdiri daripada peta i-Think iaitu peta buih.<br>● Murid-murid dikehendaki untuk membuat perbincangan dalam kumpulan masing-masing mengenai tajuk 'Langkah Mengatasi Pencemaran Alam Sekitar'.<br>● Murid-murid menulis isi-isi tersebut dalam peta buih yang terdapat dalam kertas sebak.<br>● Murid-murid dari kumpulan 1 menggunakan | menghubungkaitkan, membuat inferens, membuat hipotesis, menganalogi, mereka cipta, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)<br><br>**Pendekatan**<br>Induktif<br><br>**Teknik**<br>● Soal jawab<br><br>**KP**<br>● Interpersonal<br>● Verbal Linguistik<br>● Visual Ruang<br><br>**Nilai Murni**<br>● Keberanian, Berdikari, Kerjasama, Rasional, Kejujuran, Kesyukuran<br><br>**Pendidikan Alam Sekitar**<br>Bertanggungjawabterhadap alam |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | kerja kumpulan yang lain.<br><br>**Peta Buih**<br><br>**Langkah Mengatasi Pencemaran Alam Sekitar**<br>1. Ibu bapa haruslah mendidik anak-anak untuk mencintai alam sekitar.<br>2. Pihak sekolah perlulah memperkenalkan pendidikan alam sekitar kepada murid-murid.<br>3. Media massa haruslah membentuk cara pemikiran pengguna untuk menjaga kualiti alam sekitar.<br>4. Pemimpin haruslah mengingati ahli | *EasiNote* untuk memaparkan hasil kerja mereka dan melakukan pembentangan mereka.<br>● Guru menyemak dan membetulkan kesalahan pada hasil kerja yang dipaparkan pada slaid melalui perisian *EasiNote*.<br>● Ahli kumpulan dua menilai, menulis pendapat, komen dan penambahbaikan serta markah dalam *sticker note* kepada kumpulan tersebut.<br>● Pembentangan diteruskan oleh kumpulan 2 menggunakan perisian *EasiNote* untuk melakukan pembentangan dan ahli pasukan kumpulan 1 memberikan pendapat, penilaian dan markah dalam *sticker note*.<br>● Murid-murid akan dibimbing oleh guru semasa mengemukakan | sekitar, menanam sikap mencintai alam sekitar, memberikan kesedaran untuk menjaga alam sekitar.<br><br>**Elemen Keusahawanan**<br>● EK 1.1: Bertanggungjawab terhadap keputusan<br>● EK 1.4: Daya kreativiti dan inovasi<br>● EK 1.5: Fleksibiliti<br><br>**Kreativiti dan Inovasi**<br>Menghasilkan idea baharu, menjana idea, mengaplikasikan idea, menggunakan peta pemikiran (i-Think)<br><br>**Pembelajaran Koperatif** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | masyarakat dari masa ke masa.<br><br>*Sticker note* **(Rujuk Lampiran)**<br><br>Pelekat sebagai peneguhan positif **(Rujuk Lampiran)** | pendapat dan berkongsi jawapan.<br>● Guru akan memberikan pendapat, membuat penilaian dan memberikan pelekat sebagai peneguhan positif kepada kumpulan-kumpulan tersebut. | Berkongsi idea, berbincang dalam kumpulan, bekerjasama dalam kumpulan, berkongsi idea antara ahli kumpulan, pembentangan secara bersama<br><br>**Pembelajaran Kontekstual**<br>Menghubungkaitkan petikan teks dengan tajuk 'Langkah Mengatasi Pencemaran Alam Sekitar', menghubungkaitkan dengan kehidupan seharian semasa membentang, menggalakkan pembelajaran koperatif, memerlukan kemahiran minda<br><br>**Pembelajaran Konstruktivisme** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Pembelajaran berpusatkan murid, interaksi sosial dengan ahli kumpulan, murid bersoal jawab, murid membina pengetahuan baharu<br><br>**Kepelbagaian Sumber Bahan**<br>Petikan teks yang diambil dari sumber internet<br><br>**Kemahiran Belajar Cara Belajar**<br>Kemahiran mendengar, kemahiran mencatat nota, kemahiran mengingat, kemahiran belajar berkumpulan, kemahiran pembentangan<br><br>**Penyelesaian Masalah**<br>Mengisi peta *i-Think* iaitu peta buih secara |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | berkumpulan, berfikir secara kritis dan kreatif, membuat keputusan,<br><br>**Penilaian Objektif (ii)** |
| **Langkah 3 (23 minit)** | • Video Punca Pencemaran Alam Sekitar<br><br><br>https://www.youtube.com/watch?v=OOma1tcLFF0<br><br>QR Code bagi menonton Video Punca Pencemaran Alam Sekitar<br><br>**Aktiviti Kahoot**<br><br> | **Aktiviti 1**<br>• Murid-murid mendengar dan menyaksikan video mengenai punca-punca pencemaran alam sekitar dengan teliti.<br>• Murid-murid mencatat isi-isi penting daripada video tersebut.<br>• Guru memberikan penerangan mengenai cara untuk bermain *Kahoot*.<br>• Murid-murid diedarkan dengan *tablet* untuk melakukan permainan *Kahoot*.<br>• Murid-murid menaip kod untuk mengakses *Kahoot*.<br>• Murid-murid menjawab semua soalan yang terdapat dalam *Kahoot*. | **TMK:** Video Pencemaran Alam Sekitar https://www.youtube.com/watch?v=OOma1tcLFF0, QR Code Youtube untuk menonton video Punca Pencemaran Alam Sekitar, Tayangan PowerPoint untuk *Kahoot,* QR Code untuk petikan teks<br><br>**BBM**<br>Video Punca Pencemaran Alam Sekitar, petikan teks Pencemaran Alam Sekitar, permainan Kahooot, Tayangan *PowerPoint* untuk |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Pengayaan**<br>**Tayangan slaid PowerPoint**<br><br> | • Murid-murid juga dipilih secara rawak untuk memberikan huraian atau komen terhadap jawapan yang dipilih oleh mereka.<br>• Murid-murid dinilai melalui jawapan mereka.<br>• Setelah selesai permainan *Kahoot*, guru membuat perbincangan dan diskusi dengan para murid mengenai tajuk pelajaran pada hari tersebut.<br><br>**Aktiviti 2**<br>**Pengayaan**<br>• Murid-murid melakukan aktiviti ini secara individu.<br>• Murid-murid dipilih secara rawak untuk tampil ke hadapan.<br>• Murid yang dipilih akan ditayangkan oleh satu soalan mengenai pencemaran alam sekitar.<br>• Murid yang dipilih akan diberi masa untuk berfikir agar dapat | pengayaan, Video lagu Pencemaran Alam Sekitar<br><br>**Ciri PAK21**<br>Berkomunikasi secara lisan dengan berkesan<br><br>**Nilai Murni**<br>Berdikari,<br>Keberanian,<br>Kerjasama,<br>Rasional,<br>Semangat Bermasyarakat<br><br>**Pendidikan Alam Sekitar**<br>Menanamkan sikap mencintai alam sekitar, memberikan kesedaran untuk menghargai alam sekitar<br><br>**Kreativiti dan Inovasi**<br>Menghasilkan idea, menjana idea baharu, mengaplikasikan pengetahuan dan idea, berfikiran |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Pemulihan | memberikan jawapan yang betul.<br>● Murid-murid dibimbing oleh guru semasa menjawab soalan berdasarkan tayangan slaid melalui *Microsoft Office PowerPoint*.<br>● Jawapan murid yang salah diperbetul oleh guru serta-merta.<br>● Guru berbincang jawapan yang dinyatakan oleh murid-murid.<br>● Murid-murid dibimbing oleh guru semasa berkongsi jawapan tanpa sebarang kesalahan isi dan tatabahasa.<br>● Murid-murid yang lain juga memberikan respons atau pendapat masing-masing serta memberi pujian dan kata semangat kepada murid yang berkongsi jawapan di hadapan kelas.<br><br>**Pemulihan**<br>● Murid-murid dibahagikan kepada lima kumpulan. | kreatif dan inovatif semasa mengemukakan pendapat<br>**Teknologi Maklumat dan Komunikasi**<br>Belajar melalui video, menggunakan TMK untuk mengajar dan belajar, menggunakan TMK untuk mengakses ilmu pengetahuan<br><br>**Elemen Keusahawanan**<br>1.1 Bertanggungjawab terhadap keputusan<br>1.2 Peka kepada peluang<br>1.4 Daya kreativiti dan inovasi<br>1.5 Fleksibiliti<br>1.6 Keinginan kepada maklum balas segera |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | <br>**Pencemaran Alam Sekitar**<br>Kini, isu pencemaran alam sekitar semakin berleluasa. Terdapat banyak sebab yang mendorong berlakunya pencemaran alam sekitar. Pembakaran bahan api enjin kenderaan adalah antara faktor yang menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar. Pembakaran bahan api enjin menghasilkan asap yang mengandungi gas beracun seperti karbon monoksida dan plumbum yang mencemarkan kualiti udara. Ekoran pertambahan kenderaan di jalan raya, pengeluaran asap yang berbahaya menjadi bahan pencemar alam sekitar yang paling ketara.<br>Pencemaran juga berlaku akibat daripada pembuangan sisa toksik ke dalam sungai atau tasik seperti pembuangan bahan sisa dan toksik dari kilang kelapa sawit dan minyak. Selain toksik, pengaplikasian racun makhluk perosak, baja kimia dan sebagainya dalam sektor pertanian menjadi faktor kepada pencemaran alam sekitar. Pengusaha kilang haruslah mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab sosial. Mereka haruslah tidak bersikap melempar batu sembunyi tangan sebaliknya mereka haruslah meletakkan keuntungan sebagai sasaran kedua. Kesejahteraan alam sekitar perlulah dijadikan sebagai tujuan utama.<br>Tambahan lagi, masyarakat haruslah mempunyai kesedaran dan tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar dengan baik. Kesedaran dan tanggungjawab dapatlah dipupuk melalui pendidikan alam sekitar. Melalui pendidikan alam sekitar, masyarakat dapatlah memupuk sikap positif dan sikap mencintai alam sekitar. Masyarakat akan lebih sedar dan peka terhadap kepentingan mengekalkan kualiti alam sekitar.<br>Pihak kerajaan juga perlulah menggubal dan menguatkan tindakan yang lebih tegas terhadap pihak yang melakukan aktiviti yang mencemarkan alam sekitar, khususnya pekilang-pekilang. Tujuannya adalah untuk menginsafkan mereka bagi menghargai alam sekitar. Penggunaan teknologi moden juga perlulah ditingkatkan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar. Tanpa teknologi moden, tidak wajarlah kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak di laut dapat dilakukan dengan cekap. Maka, dengan adanya teknologi moden, sisa pepejal seperti surat khabar dan kaca dapatlah dikitar semula.<br>Oleh hal yang demikian, bersama-samalah kita memelihara alam sekitar kerana pencemaran alam sekitar akan memusnahkan alam sekitar dan mengancam kehidupan generasi masa hadapan. Pencemaran alam sekitar hendaklah diatasi dengan segera sebelum mengancam kehidupan manusia dan akuatik seperti sediakan payung sebelum hujan.<br><br>QR Code bagi mengakses petikan teks<br><br><br><br>Kumpulan 1 – Perenggan 1<br>Kumpulan 2 – Perenggan 2<br>Kumpulan 3 – Perenggan 3<br>Kumpulan 4 – Perenggan 4<br>Kumpulan 5 – Perenggan 5 | ● Murid-murid diedarkan dengan *tablet* untuk melaksanakan aktiviti seterusnya.<br>● Murid-murid mengakses *QR Code* tersebut untuk membaca petikan teks mengenai Pencemaran Alam Sekitar.<br>● Murid-murid juga ditayangkan dengan petikan teks yang sama melalui *PowerPoint*.<br>● Setiap kumpulan dibahagikan dengan satu petikan perenggan yang terdapat dalam teks karangan tersebut.<br>● Murid-murid membaca petikan perenggan yang mereka dapat dan berbincang dalam kumpulan masing-masing.<br>● Murid-murid mengadakan sesi perbincangan dan perkongsian jawapan mereka mengikut perenggan masing-masing. | **Kemahiran Berfikir**<br>Menjanakan idea, menghubungkaitkan, membuat inferens, meramalkan, membuat hipotesis, menganalisis, menilai, membuat keputusan, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)<br><br>**Penyelesaian Masalah**<br>Memahami masalah, meneroka pilihan-pilihan penyelesaian masalah, meninjau kesan dan akibat, memilih pilihan terbaik<br><br>**Pembelajaran Koperatif** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | • Murid-murid tampil di hadapan bilik darjah mengikut perenggan untuk menyampaikan pendapat mereka.<br>• Setiap ahli dalam kumpulan diwajibkan untuk mengemukakan pendapat mereka berdasarkan petikan perenggan mereka.<br>• Murid-murid yang lain mendengar dan memberikan respons mereka berdasarkan perkongsian pendapat rakan mereka.<br>• Murid-murid dibimbing oleh guru semasa memberikan respons dan guru juga memberikan komen serta membetulkan kesilapan yang telah dilakukan oleh murid-murid.<br>• Murid-murid membetulkan kesalahan mereka serta-merta dengan bimbingan guru.<br>• Murid-murid dan guru memberikan pujian dan sokongan kepada | Melibatkan semua ahli semasa aktiviti pemulihan, sedia untuk berkongsi perasaan dan idea, memberi galakan kepada rakan sepasukan, perbincangan mesra dalam kumpulan masing-masing<br><br>**Kecerdasan Pelbagai**<br>• Verbal linguistik<br>• Interpersonal<br>• Visual Ruang<br><br>**Pembelajaran Kontekstual**<br>Belajar melalui pemerhatian, membenarkan interaksi dengan orang lain, memerlukan kemahiran minda, menggalakkan pembelajaran koperatif, berhubungkait dengan situasi sebenar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | murid-murid yang berkongsi pendapat. | **Pembelajaran Konstruktivisme**<br>Pembelajaran berpusatkan murid, fokus kepada pembelajaran, menyokong pembelajaran koperatif, menerima daya usaha murid<br><br>**Kemahiran Belajar Cara Belajar**<br>Menguruskan diri dengan masa, Kemahiran Mendengar, Kemahiran Mengambil Nota, Belajar Berkumpulan, Kemahiran Mengaktifkan Diri<br><br>**Pembelajaran Masteri**<br>Memastikan murid menguasai kemahiran bertutur semasa aktiviti pengayaan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | dan pemulihan, memastikan murid mencapai objektif pembelajaran<br><br>**Pendidikan Alam Sekitar**<br>Bertanggungjawab terhadap isu-isu alam sekitar<br><br>**Kepelbagaian Sumber dan Bahan**<br>Penggunaan komputer dan internet dalam proses PdP. |
| **Penutup (5 minit)** | **Penutup Kognitif**<br>● Rumusan isi pelajaran<br>● Kepentingan menjaga alam sekitar dengan baik. | ● Murid dipilih secara rawak untuk menyimpulkan isi pelajaran pada hari tersebut.<br>● Murid menyebut cara yang harus diamalkan untuk menjaga alam sekitar.<br>● Murid dibimbing oleh murid semasa memberi jawapan.<br>● Murid-murid memberi tepukan dan pujian kepada murid yang memberikan pendapat. | **BBB**<br>● Projektor LCD<br>● Skrin<br>● Video lagu 'Pencemaran Alam Sekitar'<br>https://www.youtube.com/watch?v=ngjHB7c78JE. QR Code Youtube untuk Lagu Pencemaran Alam Sekitar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Penutup Sosial**<br>● Pujian atas usaha dan kejayaan<br>Video lagu 'Pencemaran Alam Sekitar'<br><br><br>https://www.youtube.com/watch?v=ngjHB7c78JE | ● Guru memberikan pujian dan hadiah atas kebolehan murid yang bertutur dan memberi pendapat masing-masing.<br>● Murid ditayangkan sebuah video lagu mengenai Pencemaran Alam Sekitar.<br>● Murid mendengar, menyaksikan dan menyanyikan lagu mengikut lirik lagu yang terdapat dalam video tersebut dengan teliti.<br>● Murid juga melakukan pergerakan kreatif mengikut rentak lagu bersama guru. | **Kemahiran Berfikir**<br>● Merumus, menghubungkaitkan, membuat inferens, mensintesiskan, menganalogikan, menaakul secara logik dan rasional, mengkonsepsikan, menganalisis, menilai, menyelesaikan masalah<br><br>**Nilai**<br>● Keberanian<br>● Kesyukuran<br>● Kerjasama<br><br>**Didik Hibur**<br>Bernyanyi<br><br>**Pendidikan Alam Sekitar** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | • Bertanggungjawab terhadap alam sekitar<br><br>**Pembelajaran Kontekstual**<br>Belajar melalui pemerhatian dan video, berhubungkait dengan pengalaman dan dunia sebenar, menghubungkait dengan kehidupan seharian, memerlukan kemahiran minda dan tangan<br><br>**Pembelajaran Konstruktivisme**<br>Membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada<br><br>**Kemahiran Belajar Cara Belajar** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Mengamalkan pembelajaran seumur hidup mengenai isu pencemaran alam sekitar, Kemahiran Mengingat, Kemahiran Pembentangan, Kemahiran Mengaktifkan Diri<br><br>**Kecerdasan Pelbagai**<br>● Verbal linguistik<br>● Interpersonal<br>● Muzik<br>● Kinestetik |